

PENDIDIKAN

ARKIB : 20/12/2002

### **Pusat bimbingan, kaunseling perlu di setiap sekolah**

BANGUNAN sekolah baru yang dibina oleh Kementerian Pendidikan perlu mengambil kira penyediaan perkhidmatan Bimbining dan Kaunseling (B & K) memandangkan pusat seumpama itu mampu menangani gejala sosial yang berleluasa di kalangan pelajar.

Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Sapora Sipon berkata, masalah salah laku dan gejala sosial itu memerlukan perhatian serius dan menuntut kepada keperluan B & K yang mantap dan berkesan.

``Sewajarnya permasalahan ini perlu ditangani segera dalam memastikan keberkesanan pendidikan, pembentukan peribadi dan pembinaan nilai-nilai murni pelajar selari dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-11 di Sepang, baru-baru ini.

Seminar tiga hari bermula 17 Disember lalu itu merupakan anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB) dengan kerjasama Kumpulan Utusan.

Dalam kertas kerja bertajuk Gejala Sosial Di Kalangan Pelajar dan Keperluan Perkhidmatan Bimbining dan Kaunseling, Sapora cuba memfokuskan kepada keperluan perkhidmatan B & K dalam membicarakan masalah salah laku dan gejala sosial pelajar.

Dewasa ini kata beliau, masalah penyalahgunaan dadah, lepak, bohsia, seks di luar perkahwinan dan HIV/AIDS di kalangan remaja semakin membimbangkan.

``Di antara tahun 1990 hingga 1996, sejumlah 4,045 remaja lelaki dan 166 remaja perempuan di antara umur 13 hingga 16 tahun didapati melakukan kesalahan juvenil," katanya terdapat juga pelajar terlibat kegiatan jenayah serius seperti menjadi anggota kongsi gelap.

Kata Sapora, pihak guru, pentadbir sekolah, ibu bapa, kaunselor, persatuan Ibu Bapa dan Guru, Kementerian Pendidikan, masyarakat umum dan semua pihak yang mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak dengan masalah disiplin pelajar harus berganding bahu dalam mencari kaedah terbaik untuk mengurangkan masalah disiplin.

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1220&pub=utusan\\_malaysia&sec=Pen\\_didikan&pg=pe\\_04.htm#ixzz2vo9Yo9bW](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1220&pub=utusan_malaysia&sec=Pen_didikan&pg=pe_04.htm#ixzz2vo9Yo9bW)

© Utusan Melayu (M) Bhd